

ISNIN, 12 APRIL, 1982

Keadilan, ASN dan Kewajipan Bumiputera

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kuasa Kerajaan dan kekayaan negara telah dipergunakan untuk memberi keadilan kepada rakyat dari segi pemilikan modal saham sektor syarikat. Kuasa Kerajaan dipergunakan melalui DEB yang memastikan penyusunan semula milik modal saham sektor syarikat kepada kaum-kaum mengikut kadar yang lebih adil. Kekayaan negara pula dipergunakan untuk agensi-agensi Kerajaan membeli modal saham yang diperuntukkan itu dan kemudian menjualkannya kepada Bumiputera melalui skim ASN.

Sebenarnya kuasa Kerajaan dan kekayaan negara boleh digunakan dengan cara lain. Pertamanya ialah bagi Kerajaan merampas firma-firma tersebut dan kemudian membahagi-bahagikan modal sahamnya kepada rakyat. Keduanya ialah menggunakan kekayaan negara membeli modal saham firma-firma itu untuk dibahagi-bahagikan

secara percuma kepada rakyat.

Kedua-dua cara ini bukanlah tidak pernah berlaku. Perampasan firma-firma memang menjadi amalan kuasa-kuasa komunis. Tetapi semua modal sahamnya dimiliki sendiri oleh Kerajaan — atau negara kata mereka — kerana mengikut fahaman mereka Kerajaan atau negara itulah rakyat dan setiap rakyat harus bekerja untuknya. Cara kedua diamalkan secara lebih kecil dan terencil dan biasanya digunakan oleh sesebuah Kerajaan untuk mengekalkan kekuasaannya saja.

Tetapi terbukti kedua-duanya tidak menguntungkan sesiapa. Yang pertama tidak adil terhadap firma-firma dan yang kedua pula tidak adil kepada rakyat yang tidak menerimanya. Keduanya juga membantutkan pertumbuhan ekonomi yang sihat dan mengancam pembangunan dalam lain-lain bidang. Ia juga tidak menggalakkan sikap berlumba dan berusaha lebih gigih di kalangan rakyat.

Tetapi ASN merupakan skim yang unik. Ia tidak melakukan sebarang ketidak-adilan sebaliknya menegakkan keadilan melalui pembahagian kekayaan yang betul. Namun untuk mencapai sepenuhnya matlamatnya, penyertaan setiap rakyat Bumiputera adalah penting. Bagi mencapai matlamat DEB Bumiputera memerlukan modal kira-kira \$13 billion menjelang tahun 1990, atau \$1.25 billion setahun. Jika sebahagian darinya boleh ditampung oleh individu berada dan firma-firma Bumiputera, sebahagian lagi, kira-kira \$65 juta, mestilah disediakan oleh rakyat biasa Bumiputera. Selama setahun skim ASN dilancarkan ia baru dapat mengumpulkan \$340 juta sahaja. Namun jika kesemua 500,000 kakitangan Bumiputera di sektor awam dan 1.1 juta di sektor swasta tampil menyertainya, penambahan tetap modal saham mereka pasti akan memenuhi hasrat negara dan matlamat DEB itu.